

Buruh edar heroin diberkas

14 Disember 2017

Buruh edar heroin diberkas

SEBERANG PERAI

- Seorang buruh lelaki dipercayai pengedar heroin diberkas polis di kediamannya di Jalan Sungai Dua, Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU) di sini kelmarin.

Suspek berusia 41 tahun itu ditahan sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU) kira-kira pukul 4 petang.

Ketua Polis Daerah SPU, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, hasil serbuan, polis menemui dua paket plastik lut sinar disyaki berisi dadah jenis heroin seberat 1,030 gram.

Menurutnya, nilai anggaran dadah yang dirampas adalah berjumlah RM18,230.

"Bungkusan dadah itu dijumpai di atas lantai di dalam bilik kedua rumah itu. Bahan terlarang itu dipercayai mahu dijual di sekitar kawasan Butterworth," katanya semalam.